



**CENDERAMATA:** Kasim (empat kiri) menyampaikan cenderamata kepada Jainisah (dua kanan).

## UMS komited jayakan Pelancaran Logo Hari Kebangsaan 2023

UB 05.04.2023 P.08

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited menjayakan Majlis Pelancaran Logo Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sabah 2023 yang dijangka berlangsung pada Mei depan.

Naib Canselor UMS Prof Madya Datuk Dr. Kasim Mansur berkata, keterlibatan warga UMS amat dialu-alukan dalam program-program kenegaraan yang ditunjangi Jabatan Penerangan (JaPen) Sabah.

"UMS memainkan peranan untuk membantu melaksanakan agenda yang dirancang oleh Jabatan Penerangan dalam penganjuran program-program nasional.

"Menerusi penganjuran beberapa program sejak sedekad lalu, jalinan kerjasama strategik di antara kedua-dua pihak dapat diperkuuhkan lagi.

"Ini sekali gus membantu JaPen Sabah mewujudkan masyarakat yang memahami dasar, program serta inisiatif kerajaan," katanya kepada media selepas menerima kunjungan hormat Pengarah Penerangan Sabah Jainisah Mohd Noor di sini pada Isnin lepas.

Beliau berkata, kerjasama itu turut berupaya membuka peluang kepada pelajar UMS untuk melibatkan diri dalam aktiviti di samping men-



**BINCANG:** Kasim (kiri) dan Jainisah berbincang potensi kerjasama JaPen dan UMS.

dapat pendedahan awal bagi mendekatkan diri dengan masyarakat.

"Sehubungan itu, saya amat mengalui-alukan jalinan kerjasama di antara JaPen dan UMS yang sebenarnya sudah terjalin lebih dari satu dekad untuk diperkasakan lagi pada masa akan datang," katanya.

Majlis pelancaran logo berkenaan akan diadakan di salah sebuah pusat pembelahan terkemuka di sini.

Dalam perkembangan lain, Kasim turut memaklumkan Hospital UMS (HUMS) dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun lagi.

"Pembinaan HUMS yang tergendala akibat pandemik COVID-19 kini disambung semula dan diharap agar dalam tempoh dua tahun

lagi akan dapat disiapkan sepenuhnya," jelasnya.

Projek HUMS yang dirasmikan oleh Perdana Menteri pada 2 Mac 2018, berkonsepkan 'smart teaching hospital' untuk meningkatkan taraf pendidikan serta latihan perubatan, selain meningkatkan kebolehpakapan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi untuk rakyat Sabah.

Turut hadir, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS Mohd Raffie Janau; Timbalan Pengarah Penerangan Sabah Supian Musa; Ketua Penolong Pengarah (KPP) Bahagian Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat JaPen Azman Sipan; serta KPP Bahagian Media dan Komunikasi Korporat JaPen Peter Tong Ah Pin.